



SIARAN MEDIA

JIWA RAHMAH SANTUNI MADANI : KPKT KOMITED LAKSANAKAN PROGRAM MADANI SECARA BERFASA

SEPANG, 22 Nov 2025 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu hari ini merasmikan **Program Jiwa Rahmah Santuni MADANI** anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) bertempat di Dewan Kampung Dato' Ahmad Razali, Sepang.

Program Jiwa Rahmah Santuni MADANI merupakan antara inisiatif utama KPKT dalam menyokong agenda **Wellbeing for All** melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih dekat dengan rakyat, pemeraksanaan komuniti dan peningkatan kualiti hidup di kawasan bandar dan luar bandar.

Program ini dilaksanakan selaras dengan Agenda Santuni MADANI yang memberi tumpuan kepada **tiga (3) komponen utama** iaitu **Perkhidmatan, Kebajikan dan Komuniti**. Kerangka Malaysia MADANI turut menekankan keperluan pemimpin serta agensi kerajaan turun ke lapangan untuk mendengar suara rakyat secara langsung, selain mempercepatkan penyelesaian isu-isu setempat.

KPKT komited meneruskan **pelaksanaan program Santuni MADANI secara berfasa** di lebih banyak kawasan bagi memastikan tiada komuniti terpinggir dan rakyat terus menerima manfaat secara langsung daripada inisiatif kerajaan.

Menurut YB Timbalan Menteri, "Program Santuni MADANI ini bukan sekadar program turun padang, tetapi satu komitmen berterusan kerajaan untuk memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat akses perkhidmatan, sokongan dan perhatian sewajarnya."

Pelbagai perkhidmatan dan aktiviti dianjurkan sempena program ini, termasuk kaunter perkhidmatan agensi kerajaan, pemeriksaan kesihatan percuma, *Fun Run*, aktiviti plogging, demonstrasi keselamatan oleh Bomba, pameran aset keselamatan, perkhidmatan tukar minyak hitam percuma, gunting rambut percuma, khidmat klinik guaman percuma serta cabutan bertuah untuk pengunjung. Program ini menerima sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih 700 penduduk setempat.

KPKT turut menghargai kerjasama erat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi keselamatan, NGO dan komuniti setempat dalam menjayakan program ini.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan); YBrs. Dr. Aini binti Ahmad, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Sepang; Yang Mulia Raja Mohd Shahrul Iezwan bin Raja Mohd Zein, Ketua Penolong Pegawai Daerah Sepang; YBrs. Tuan Vivek Gopinath, Pengurus Besar Operasi Wipro Manufacturing Services Sdn. Bhd serta pegawai-pegawai kanan KPKT.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

